



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

TELUSURI KEINDAHAN PUTRAJAYA MELALUI PERTANDINGAN FOTOGRAFI PELANCONGAN PUTRAJAYA 2023 (PFPP2023)

PUTRAJAYA, 17 Oktober 2023 – Saban tahun Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya sebagai salah satu program mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang patut diterokai melalui medium fotografi. Bagi tahun ini, PFPP2023 telah bermula pada 28 Ogos dan akan berakhir pada 31 Oktober 2023.

Pertandingan pada kali ini mengetengahkan dua (2) tema iaitu 1) Indahnya Putrajaya dan yang ke 2) City With Soul. Tema 'Indahnya Putrajaya' digunakan bagi menggambarkan keindahan Putrajaya dari sudut lensa fotografi dan kreativiti jurugambar serta keindahan 'Bandar Dalam Taman' ini yang mampu memukau dan menggamit kehadiran para pengunjung termasuk pelancongan dari dalam dan luar negara. Tema 'City With Soul' pula adalah imej foto yang menunjukkan kehidupan insan dan warga serta pengunjung Putrajaya dalam kehidupan harian samada di kawasan kediaman, kawasan komersil, dan melibatkan pelbagai rutin kehidupan warga Putrajaya.

Melalui PFPP2023, keindahan alam semula jadi, rekabentuk senibina yang unik dan keistimewaan tempat-tempat menarik serta kawasan tarikan utama di Putrajaya secara tidak langsung dapat dirakamkan melalui hasil seni fotografi peserta yang bertanding. Juara pertandingan bagi setiap tema akan membawa pulang wang tunai bernilai RM 4,000, manakala bagi naib juara wang tunai RM 3,000, tempat ketiga wang tunai RM 2,000 dan lima pemenang saguhati pula membawa pulang wang tunai RM 500 seorang. Jumlah hadiah keseluruhan adalah sebanyak RM 23,000.

Pada tahun lalu PPj menerima sebanyak 1,118 penyertaan bagi PFPP2023. Mana kala bagi tahun ini, PPj berharap agar pertandingan ini akan mendapat sambutan yang lebih meriah dengan gambar yang bakal dipersembahkan dengan pelbagai keunikan serta kreativiti daripada sudut pelancongan Putrajaya.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 17 Oktober 2023

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564.